

**Operasi menumpaskan musuh masih diteruskan – PM**  
**Utusan Online**  
**06Mac, 2013**  
**Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD**

KUALA LUMPUR 6 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, operasi menumpaskan musuh di Sabah masih lagi berlangsung hari ini.

Sehubungan itu, beliau meminta semua rakyat terus mendoakan kejayaan pasukan keselamatan dalam usaha mereka membanteras setiap musuh yang ada.

"Di saat saya berucap ini perwira negara sedang bersabung nyawa dalam satu operasi yang sedang berlangsung.

"Marilah kita berdoa mereka ini terselamat dan musuh negara dapat kita tumpas dan hapuskan sama sekali," ujarnya ketika berucap di ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130306/dn\\_46/Operasi-menumpaskan-musuh-masih-diteruskan---PM](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130306/dn_46/Operasi-menumpaskan-musuh-masih-diteruskan---PM)